

BAB 1

1.0 PENDAHULUAN.	1
1.1 Permasalahan.	6
1.2 Matlamat.	8
1.3 Objektif.	8
1.4 Skop Kajian.	9
1.5 Harapan Kajian.	9
1.6 Pendekatan Kajian.	9
1.6.1 Rujukan ilmiah	9
1.6.2 Pengumpulan Data dan Maklumat. Tapak.	10
1.6.3 Tinjauan dan Analisa	10

BAB 2

2.0 KAJIAN RUJUKKAN.	11
2.1 Bandar Kuching.	11
2.2 Bandar Illawarra, Austrllia.	18
2.3 Rumusan.	26
2.3.1 Bagaimana ianya bermula.	26
2.3.2 Tujuan pelaksanaan projek.	27
2.2.3 Kriteria	28
2.3.4 Isu utama menjayakan projek Bandar Sihat	28
2.3.5 Peranan jabatan, orang ramai dan ahli politik.	29
2.3.6 Keadaan persekitaran.	30
2.3.7 Projek yang dijalankan.	30

2.3.8 Misi.	31
2.3.9 Langkah membentuk sebuah bandar sihat.	31

BAB 3

3.0 KES KAJIAN, JALAN PUDU KUALA LUMPUR

3.1 Pendahuluan	33
3.2 Faktor pemilihan kawasan kajian	33
3.3 Lokasi	35
3.4 Pengangkutan	35
3.5 Sosial	38
3.5.1 Populasi	39
3.6 Iklim	39
3.7 Gunatanah	39
3.8 Kemudahan	40
3.9 Pembangunan semula	42
3.10 Kriteria Persekitaran	44

BAB 4

4.0 ANALISA MASALAH DAN POTENSI

4.1 Analisa masalah	48
4.1.1 Masalah sosial	48
4.1.2 Atmosfera	50
4.1.3 Fizikal	53
4.2 Analisa potensi.	59
4.2.1 Perancangan masa depan oleh Dewan	

1.0 PENDAHULUAN

Bandar sihat ialah satu konsep yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti hidup melalui pembangunan dari aspek sosial, mental, persekitaran dan fizikal dari yang kurang sihat ke keadaan yang lebih selesa untuk didiami. Untuk memahami konsep ini dua buah buku yang menjadi rujukan utama kajian topikal ini adalah *Healthy Cities*, oleh B. Read (1970) dan *Living Cities : A Case For Urbanism dan Guidelines For Re-Urbanization*, oleh T. Jan (1984) telah dirujuk. Buku pertama ini menerangkan berkenaan pengertian bandar sihat secara mendalam dengan mengenengahkan beberapa contoh bandar yang telah menjalankan projek bandar sihat. pelaksanaan projek Bandar Sihat berpunca dari masalah pencemaran bandar yang telah berlaku. Ianya juga menerangkan punca berlakunya wabak penyakit dan pencemaran lain di bandar serta kaedah untuk mengatasinya.

Tiga perkara utama yang disentuh di dalam buku ini adalah mengenai

1. Bekalan sumber air bersih adalah sangat penting untuk menjamin masyarakat bandar mendapat bekalan air untuk tujuan kegunaan harian yang tidak tercemar dan mencukupi.
2. Sistem saliran yang baik di mana keadaannya yang tidak tersumbat dan ada penyelenggaraan berjadual yang dapat memastikan terhindarnya masalah yang berkaitan seperti banjir, wabak penyakit dan kemalangan.

3. Penyelidikan yang dijalankan bagi mengatasi masalah seperti kesesakan lalulintas, pencemaran udara dan pemulihan kualiti air.

Buku kedua pula adalah mengenai corak pembangunan baru ke arah bandar sihat yang di gunakan di Eropah. Kaedah yang digunakan adalah dengan melihat bagaimana sesebuah bandar itu boleh di perbaiki keadaannya dari segi fizikal, sosial, atmosfera dan budaya.

Perkara yang dikupas di dalam buku ini adalah

1. Pembentukan persekitaran bandar lebih baik tidak dapat dilakukan tanpa perubahan cara hidup masyarakatnya ke arah cara hidup sihat.
2. Bentuk perancangan dan rekabentuk baru harus berlandaskan keperluan penghuni bandar yang terdiri dari pelbagai lapisan dan golongan masyarakat.
3. Masalah perumahan dan cara penyelesaiannya.

Konsep Bandar Sihat dilahirkan pada awal tahun 1980 an. Ianya bermula dengan idea yang lahir dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pada dasarnya konsep ini lahir kerana WHO mempunyai misi untuk mencapai "Kesihatan Untuk Semua" menjelang tahun 2000. Bandar Sihat telah dipilih sebagai satu kaedah untuk mencapai hasrat ini (WHO 1995 p. 7). Konsep ini tercetus apabila WHO sedar perancangan inovatif di perlukan untuk mengatasi masalah kebanyakan bandar yang mengalami masalah kualiti persekitaran dan mutu hidup yang rendah. Konsep Bandar Sihat ini dapat berfungsi sebagai landasan kepada pembentukan bandar yang lebih selesa,